

11 SEP 2003

Muhyiddin-Pas/I

PAS YANG PECAH BELAH ORANG ISLAM, BUKAN UMNO, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Tabiat Pas "mereka-reka dan menjenamakan semula" Islam dalam usaha meraih sokongan politik menjadi punca perpecahan umat Islam di negara ini, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

"Kami (Umno) tidak merampas Islam tetapi ia di sebaliknya, Pas yang merampas agama untuk memenuhi agenda politiknya sehingga masyarakat itu berpecah belah," kata beliau selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara penyewa dan pembekal perkhidmatan di Berjaya Times Square di sini.

Muhyiddin berkata, Pas telah berkhotbah dan mentafsir agama itu sesuai dengan keperluannya dan "ini mengelirukan masyarakat" dan membawa kesan buruk dalam jangka panjang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenai kenyataan yang dibuat oleh Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semasa merasmikan Mukhtar Pemuda Pas Ke 44 malam semalam, bahawa penampilan imej Islam oleh Umno lebih berdasarkan kepada "Islam cetak rompak".

Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan berkata mereka yang berpegang teguh kepada Islam akan menyertai Pas dan bukan Umno.

"Kita mempunyai beberapa pemimpin Melayu yang mengambil kesempatan daripada ini (menggunakan agama sebagai agenda politik mereka) dan meletakkan orang ramai dalam keadaan keliru seperti ini. Ini harus dihentikan," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna berkata, Umno mengikut ajaran sebenar Islam dan tidak pernah lari daripada ajaran asal agama itu.

Mengenai hal lain, beliau berkata, media asing tidak berhak mempersoalkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap dasar-dasar negara dan beliau hanya perlu menjawab kepada rakyat negara ini.

"Mereka (media asing) tidak menghormati beliau. Sementara seluruh dunia mengiktiraf pencapaian Dr Mahathir, media asing tidak mahu menerima hakikat ini," katanya.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai ancaman majalah Business Week di New York terhadap Dr Mahathir yang ia akan menyiarkan laporan yang memburuk-burukan Perdana Menteri, negara dan parti pemerintah Barisan Nasional.

Semasa mendedahkan ancaman itu semalam, Dr Mahathir berkata surat bertarikh 8 Sept yang diterimanya daripada majalah itu mengugut untuk menulis mengenai semua perkara tidak baik mengenai kronisme, penindasan dan pemerintahan kuku besi jika beliau tidak menemui mereka.

Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan media barat itu sebagai sesuatu yang keji berkata: "Saya telah menerima sepucuk surat daripada Business Week yang mengancam saya. Mereka mahu temubual saya tetapi saya tidak mahu ditemubual oleh mereka kerana kali terakhir mereka temubual saya mereka banyak berbohong."

Muhyiddin berkata tindakan media asing itu bagaikan Dr Mahathir tidak melakukan apa-apa bagi negara tetapi hakikat sebenarnya ialah Perdana Menteri telah memimpin negara ke arah pembangunan dan ini diiktiraf oleh seluruh dunia.

"Sikap mengancam ini oleh Media Barat bukan sahaja tidak wajar tetapi

juga tidak dapat diterima langsung. Mereka nampaknya tidak mengiktiraf apa yang Dr Mahathir telah lakukan bagi negara...ini sikap mereka.

"Saya yakin Dr Mahathir tidak akan tunduk kepada ancaman seperti itu. Mereka (media asing) harus datang melawat Malaysia untuk memahami peralihan yang telah dilalui oleh negara," kata Muhyiddin lagi.

-- BERNAMA

SR AHH PR